

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN****MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah bilangan miskin bandar, gelandangan dan kutu rayau yang diselamatkan di sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur dan badan-badan sukarela yang membantu mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Dalam memastikan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan selaras dengan konsep inklusiviti, Kerajaan amat prihatin terhadap golongan miskin dan sentiasa berusaha untuk membasmi kemiskinan. Terdapat pelbagai program dan bantuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, khususnya bagi memastikan kadar kemiskinan terus dikurangkan.

Berdasarkan sumber daripada ICU, Jabatan Perdana Menteri, kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk **mendaftarkan** golongan miskin di Malaysia dan **mengklasifikasikan kategori** golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan "Miskin Tegar dan Miskin" berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sedia ada melalui proses verifikasi di lapangan. Sistem eKasih juga mengandungi maklumat bantuan dan nilai bantuan yang diterima oleh golongan miskin tersebut.

Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada **jumlah pendapatan perkapita isirumah** dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014 (*Household Income Survey- HIS 2014*).

Berdasarkan rekod eKasih, sehingga **12 Oktober 2017**, seramai **64,894 Ketua Isi Rumah (KIR)** yang berdaftar di bawah Sistem eKasih adalah berstatus Miskin Tegar. Daripada jumlah tersebut seramai **28,978 KIR** adalah di kawasan bandar dan **35,916 KIR** pula di kawasan luar bandar. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

**Statistik Status Miskin Tegar Mengikut Negeri  
Sehingga 12 Oktober 2017**

| NEGERI                  | JUMLAH<br>KESELURUHAN<br>(KIR) | MISKIN TEGAR    |                         |
|-------------------------|--------------------------------|-----------------|-------------------------|
|                         |                                | BANDAR<br>(KIR) | LUAR<br>BANDAR<br>(KIR) |
| Semenanjung<br>Malaysia | 18,807                         | 11,349          | 7,458                   |
| Sabah                   | 24,307                         | 5,177           | 19,130                  |
| Sarawak                 | 21,780                         | 12,452          | 9,328                   |
| <b>Jumlah</b>           | <b>64,894</b>                  | <b>28,978</b>   | <b>35,916</b>           |

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menjalankan Operasi Bersepadu, Berjadual dan Ad-hoc/Aduan. Antara agensi yang terlibat dalam Operasi Bersepadu adalah Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kesihatan. Dalam operasi bersepadu ini setiap agensi akan mengenal pasti mereka yang diselamatkan. Setiap agensi akan mengambil tindakan terhadap kumpulan sasar masing-masing mengikut bidang kuasa agensi. Pada tahun 2017 sehingga bulan Jun, Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan 127 operasi menyelamatkan pengemis yang mana sebanyak 11 buah operasi bersepadu, 36 operasi berjadual dan 80 buah operasi berdasarkan aduan atau *ad-hoc* di seluruh negara. Melalui Operasi tersebut seramai 224 orang pengemis telah diselamatkan melibatkan 152 orang pengemis warga asing dan 72 orang pengemis tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Yayasan Kebajikan Negara juga bekerjasama dengan badan-badan sukarela yang membantu mereka ini. Berikut adalah senarai badan-badan sukarela yang memberi pelbagai jenis bantuan:

## SENARAI NGO YANG BEKERJASAMA DI ANJUNG SINGGAH KUALA LUMPUR

| BIL | NAMA NGO   | JENIS BANTUAN      |
|-----|--|--------------------|
| 1.  | PERTIWI Soup Kitchen<br>No 63, Jalan SS 3/53, Taman Subang<br>47300 Petaling Jaya, Selangor  | Makanan/Perubatan  |
| 2.  | Kechara Soup Kitchen<br>17, Jalan Barat (Off Jalan Imbi)<br>55100 Kuala Lumpur   | Makanan/Perubatan  |
| 3.  | Pertubuhan Menangani Gejala Sosial Malaysia<br>(UNGGAS) Malaysia<br>No 18, Jalan Pandan 8<br>Taman Pandan Jaya<br>55100 Pandan, Selangor                 | Makanan            |
| 4.  | NGO.Hub.Asia<br>1Petaling Commerz And Residential Condos<br>#1-9, Jalan 1C/149<br>Off Jalan Sungai Besi<br>57100 Sungai Besi, Kuala Lumpur               | Job Matching       |
| 5.  | Pertubuhan Kebajikan Penyayang Uswah<br>16-3, Jalan Dinar A U3/A<br>Seksyen U3, Taman Subang Perdana<br>40150 Shah Alam, Selangor                        | Program Kerohanian |
| 6.  | Misi Sedekah Jumaat & Misi Pest Control<br>Astana Damansara Nasi Kukus,<br>Jln Bukit Lanjan 6, Jln Damansara,<br>60000, KL.                              | Makanan            |
| 7.  | Pertubuhan Kulinari Amal Selangor @ Merci<br>Culinary<br>G-27, Ground Floor<br>Jalan Putra Perdana 5/1<br>Taman Putra Perdana<br>47130 Puchong, Selangor | Makanan            |
| 8.  | Food For Hunger<br>D/A Pertubuhan Kebajikan Baitul Fiqh<br>No 158, Jalan SS 14<br>47500 Subang Jaya, Selangor  | Makanan            |
| 9.  | Pertubuhan Amal Firdausi Kuala Lumpur &<br>Selangor<br>No 11A, Jalan 6B/1<br>Bandar Baru Bangi<br>43650 Bangi, Selangor                                  | Program Motivasi   |
| 10. | Grace Community Church Kuala Lumpur<br>81E, 4 <sup>th</sup> Floor, Sri Bonus, Jalan Medan<br>Bubus Off, Jalan Masjid India<br>50100 WP Kuala Lumpur      | Program Motivasi   |

|     |   |                             |
|-----|---|-----------------------------|
| 11. | Persatuan Kebajikan The Gagaks Selangor (The Gagaks)<br>No. 2A, 1 <sup>st</sup> Floor, Jalan Bullion Mewah 8<br>Taman Bullion Mewah<br>68100 Sentul, Kuala Lumpur             | Makanan                     |
| 12. | SOLS 24/7 Malaysia<br>1Petaling Commerz And Residential Condos<br>#1-9, Jalan 1C/149<br>Off Jalan Sungai Besi<br>57100 Sungai Besi, Kuala Lumpur                              | Kelas Bahasa Inggeris       |
| 13. | KL Urban Fellowship<br>No 154-1, Jalan Petaling<br>50000 Kuala Lumpur   | Program Motivasi            |
| 14. | Persatuan Empayar Kebajikan Malaysia<br>Empire Project  | Makanan                     |
| 15. | Persatuan Kebajikan Komuniti Ikhlas Malaysia<br>(PKKIM)<br>30A-30B, Lorong Haji Taib 4<br>Chow Kit<br>50350 Kuala Lumpur  | Ceramah/Motivasi<br>(Dadah) |
| 16. | Kelab Rekreasi dan Kebajikan Selangor<br>(Wellcare)<br>No. 1D, Tingkat 4, Blok 1 Pusat Perniagaan<br>Worldwide<br>Jalan Tinjau 13/50, Seksyen 13<br>41050 Shah Alam, Selangor | Program Kerohanian          |
| 17. | We Love Charity<br>115 Jalan Sarawak<br>Pengkalan Udara Subang<br>401500 Shah Alam, Selangor  | Makanan                     |
| 18. | Viva Starfish<br>No. 1, Jalan Puteri 12/5, Bandar Puteri<br>Puchong, 47100 Selangor   | Makanan/Job Matching        |
| 19. | Food Aid Foundation<br>No 9, Jalan 7/118B<br>Desa Tun Razak Cheras<br>56000 Kuala Lumpur  | Makanan                     |
| 20. | Grace Community Services<br>Head Office (Klang) & Food Bank For The Poor<br>No 7, Jalan Dendang 1, Kawasan 16<br>Berkeley Town Centre<br>41300 Klang, Selangor                | Program Motivasi            |